

No. Rujukan : NIOSH/06/100-6-9 (95)

Tarikh : 12 Ogos 2026

NOTIS MAKLUMAN KEPADA CALON PEPERIKSAAN DAN PENYEDIA LATIHAN BERDAFTAR (PLB) DIBAWAH JKPP

YBhg. Dato’/ Prof./ Dr./ Ir./ Ts./ Tuan/ Puan,

KETETAPAN PELAKSANAAN PENILAIAN DI BAWAH LPKKKP

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa pihak Lembaga Penilaian Kompetensi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (LPKKKP) telah membuat ketetapan agar pendaftaran dan bayaran yuran penilaian perlulah dilaksanakan melalui sistem penilaian LPKKKP. Perincian berkaitan syarat yang telah ditetapkan seperti berikut:

BIL.	PERKARA	KETERANGAN
1.	Tempoh pendaftaran penilaian.	Sekurang-kurangnya 14 hari sebelum tarikh mula penilaian.
2.	Bayaran yuran penilaian.	Selewatnya hari ke-8 sebelum tarikh mula penilaian dan bayaran perlu dilakukan dalam sistem penilaian LPKKKP.
3.	Pulangan bayaran yuran penilaian.	Pulangan bayaran yuran penilaian bagi calon tidak hadir kursus (tertakluk kepada bilangan minima calon yang ditetapkan mengikut program) perlu dimohon oleh PLB dalam tempoh 7 hari dari tarikh akhir kursus.
4.	Peralatan rosak atau tidak memenuhi kriteria penilaian.	Pihak PLB bertanggungjawab memastikan semua persediaan dan keperluan penilaian telah disediakan pada tarikh dan masa penilaian akan dijalankan. Pihak PLB perlu menanggung kos Penugasan Penilai sekiranya sesi penilaian gagal dijalankan dan perlu mendaftarkan semula calon penilaian.

3. PLB perlu mematuhi Panduan Pelaksanaan Penilaian dibawah LPKKKP yang akan dikeluarkan.

4. Sebarang pertanyaan lanjut boleh dikemukakan kepada Sekretariat LPKKKP (d/a Bahagian Peperiksaan dan Persijilan, NIOSH) melalui alamat emel wecare@niosh.com.my.


Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

"Pekerja MADANI Kesuma Bangsa

Saya yang menjalankan amanah,



BAHRUDIN BIN MAMAT, J.M.N

Pengerusi Bersama

Lembaga Penilaian Kompetensi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (LPKKKP)